

3 IPTA bergabung anjur IFLA

UIAM, UPM dan UiTM dipilih berdasar kredibiliti kursus seni bina ditawarkan

Oleh Rosniza Mohd Taha

TIGA universiti awam diberi kepercayaan menjadi penganjur bersama Kongres Dunia Persekutuan Arkitek Lanskap Antarabangsa (IFLA) ke-44 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), mulai semalam hingga 30 Ogos ini.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dipilih kerana kredibiliti dalam penawaran kursus seni bina dan reka bentuk lanskap serta

aktif mempromosi kerjaya dalam bidang berkenaan.

Profesor Kulliyyah Seni Bina dan Reka Bentuk Lanskap UIAM, Ismawi Zen, berkata universiti itu berperanan membantu penganjuran acara kemuncak kongres, iaitu forum antarabangsa bertajuk *Perubahan Iklim dan Kesannya kepada Perancangan Lanskap*, pada 30 Ogos ini.

“Saya sendiri akan mempengerusikan forum ini, selain menyampaikan ucaptama bertajuk Biodiversiti dan Perancangan Lanskap.

“Lima pelajar UIAM pula akan me-

nyertai kegiatan sampingan sempena kongres ini, iaitu pembinaan arca bertema alam sekitar di Janda Baik, Pahang,” katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Malaysia dipilih menjadi tuan rumah penganjuran kongres membabitkan tiga penganjur utama, iaitu IFLA, Institut Arkitek Lanskap Malaysia dan Jabatan Lanskap Negara, sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50.

Bertema Mensejahterakan Dunia, antara kegiatan sepanjang kongres empat hari berkenaan ialah persi-

dangan, lawatan dan pertandingan lanskap.

UPM pula bertanggungjawab menganjurkan pertandingan reka bentuk lanskap yang disertai pelajar universiti dari 16 negara.

Sebanyak 40 reka bentuk disenarai pendek daripada 169 penyertaan kini dipamerkan di PWTC, sempena kongres berkenaan.

Sementara itu, UiTM pula menghantar wakil pelajar menyertai program pembinaan arca alam sekitar di Janda Baik, Pahang yang turut disertai pelajar universiti 16 negara

lain termasuk Indonesia, Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Antara fasilitator terbabit mengendalikan hasil kerja peserta program itu ialah Neil Challenger dari Lincoln University, New Zealand.

Orang ramai, khususnya pelajar berminat dalam bidang lanskap digalak menyertai kongres itu bagi membolehkan mereka mendapat pengetahuan berkaitan, selain peluang bertemu tokoh terkemuka antarabangsa dalam bidang berkenaan.